

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH BAGI
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2019**

Tawaran ini adalah terbuka kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkhidmat dalam skim perkhidmatan pendidikan yang mana ketua perkhidmatannya ialah Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) dan dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (SPP).

1. SYARAT UMUM

- (i) Pegawai hendaklah mempunyai iltizam, pengetahuan, kemahiran, pengalaman, dan perwatakan/ sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Pegawai juga hendaklah mempunyai kelayakan Ijazah Pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya, berpengalaman selari dengan bidang yang dimohon serta perancangan laluan kerjaya pada masa hadapan; dan
- (ii) Belum memulakan pengajian di mana-mana Universiti Awam di dalam atau luar negara.

2. SYARAT KHUSUS

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Pegawai berumur tidak melebihi 45 tahun bagi pengajian peringkat Kedoktoran dan tidak melebihi 50 tahun bagi peringkat Sarjana pada 1 Januari 2019;
- (iii) Pegawai hendaklah telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 3 tahun (lantikan selewat-lewatnya Januari 2016) pada tarikh tutup permohonan;

- (iv) Berkhidmat secara tetap dan telah disahkan dalam skim perkhidmatan terkini pada tarikh tutup permohonan;
- (v) Mencapai markah purata Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) atau Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) 85% ke atas bagi tempoh genap 3 tahun dalam skim perkhidmatan terkini berturut-turut (2016, 2017 dan 2018). Penilaian setahun LNPT mestilah genap 12 bulan. Sekiranya tuan/puan belum menerima markah LNPT tahun 2018, sila guna LNPT 2015, 2016 dan 2017.
- (vi) Sekiranya tuan/puan pernah diluluskan penajaan/Cuti Belajar dalam tempoh tersebut, sila kemukakan LNPT tahun sebelum/selepas tempoh Cuti Belajar. Contoh:-

Tempoh Cuti Belajar Yang Pernah Diluluskan: 20.09.2012 hingga 31.08.2014 (LNPT adalah 2016, 2015 dan 2011)
- (vii) Memenuhi syarat kelayakan akademik seperti berikut:

Peringkat Pengajian	Kelulusan Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK) atau setaraf	Tempoh Minimum Pengalaman Bekerja sehingga Januari 2019
Sarjana	2.00-2.49	10 tahun
	2.50-2.99	5 tahun
	3.00 dan ke atas	3 tahun
PhD	Lulus Peringkat Sarjana	3 tahun

- (viii) Disokong dan diperaku oleh Ketua Jabatan
- (ix) Belum memiliki kelayakan Ijazah Lanjutan di **peringkat yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan** (Jika calon didapati sedang atau telah mempunyai kelayakan Ijazah Lanjutan, KPM berhak membatal atau menarik balik tawaran/kelulusan tanpa sebarang notis);
- (x) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan mahkamah;
- (xi) Telah mengisyiharkan harta melalui sistem HRMIS;
- (xii) Tidak tersenarai dalam senarai hitam KPM, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) atau badan-badan peminjam kerajaan yang lain;

- (xiii) Calon-calon adalah diwajibkan memilih bidang pengajian/kursus yang ditawarkan sahaja;
- (xiv) Satu Kertas Cadangan Penyelidikan (dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris untuk pengajian Dalam Negara dan Bahasa Inggeris bagi pengajian Luar Negara) dan slaid pembentangan perlu disediakan untuk dikemukakan kepada BT dan dibawa semasa sesi temuduga (sekiranya terpilih);
- (xv) Tempat pengajian adalah di Universiti Awam Dalam Negara (peringkat Sarjana dan Kedoktoran) atau Luar Negara (peringkat Kedoktoran sahaja)
- (xvi) Bagi pengajian peringkat Sarjana, Mod Pengajian yang dibenarkan adalah **Kerja Kursus dengan Disertasi/Tesis (Mod campuran)** dan **Mod Penyelidikan Sepenuhnya** sahaja. Bagi peringkat Kedoktoran, Mod Pengajian yang dibenarkan adalah **Mod Penyelidikan Sepenuhnya** sahaja;
- (xvii) Tempoh Cuti Belajar bagi peringkat Kedoktoran adalah selama 6 semester (maksimum) dan peringkat Sarjana adalah 4 semester (maksimum) tertakluk kepada mod pengajian dan tempoh pengajian yang ditetapkan oleh universiti;
- (xviii) Kemasukan ke universiti adalah untuk pengajian **semester 1 sesi 2019/2020** atau yang mana-mana sesi kemasukan yang ditetapkan oleh Kementerian;
- (xix) Pegawai adalah bebas daripada sebarang penyakit kronik seperti di **Lampiran A**;
- (xx) Pegawai yang sedang dalam penajaan/Cuti Belajar Kementerian atau mana-mana penaja lain tidak layak memohon;
- (xxi) Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek yang terdahulu (dengan kemudahan Penajaan/CutiBelajar) seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Layak Memohon
Lebih daripada 12 bulan	Selepas genap 2 Tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	Selepas genap 1 Tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- (xxii) Kementerian berhak membuat pindaan terhadap syarat-syarat permohonan, program yang ditawarkan, senarai bidang kursus dan tempat pengajian yang dibenarkan; dan
- (xxiii) Calon hanya boleh mengemukakan SATU permohonan sahaja dalam tempoh permohonan ini dibuka.

3. SYARAT-SYARAT LAIN SEPERTI BERIKUT:

BAGI PERMOHONAN KE LUAR NEGARA	<ul style="list-style-type: none"> (i) Tawaran ini hanya terbuka kepada Hadiah Latihan PersekutuanN (HLP) Pengajian Peringkat KEDOKTORAN (Ph.D) sahaja; (ii) Pemilihan universiti adalah seperti mana yang ditetapkan oleh KPM SAHAJA; (iii) Telah memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan universiti termasuk syarat kelulusan bahasa Bahasa Inggeris iaitu TOEFL atau IELTS mengikut keperluan universiti. Walaubagaimanapun, bagi calon yang sedang/akan menduduki ujian ini, semua slip keputusan perlu dikemukakan sebelum tawaran/kelulusan Cuti Belajar dikemukakan; <i>(Syarat ini adalah untuk kemasukan ke semua universiti di luar negara (termasuk negara-negara bukan berbahasa Inggeris) dan sebarang kos peperiksaan tidak akan ditanggung oleh jabatan ini.)</i> (iv) Lulus Program Transformasi Pegawai Ke Luar Negara anjuran Biro Tatanegara (boleh diikuti setelah berjaya ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan); (v) Calon berjaya perlu memastikan segala syarat universiti dipenuhi dan semua persediaan dibuat sebelum berangkat ke luar negara; (vi) Sekiranya pegawai gagal memenuhi syarat yang
---------------------------------------	--

	ditetapkan, maka tawaran/kelulusan ini adalah terbatal secara automatik.
PERMOHONAN IJAZAH SARJANA KAUNSELING (PENYALAHGUNAAN DADAH) *Tempat pengajian adalah di USIM, Negeri Sembilan dan UMS, Sabah SAHAJA.	<ul style="list-style-type: none"> (i) Memiliki Ijazah Pertama dalam bidang Kaunseling/Bimbingan Kaunseling dan mempunyai pengalaman sekurangkurangnya tiga (3) tahun dalam bidang kaunseling; dan (ii) Memiliki kelulusan ijazah pertama dengan PNGK 2.75 atau setaraf dan ke atas.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SECARA SEPARUH MASA/SAMBILAN (HLPS) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2019

Tawaran ini adalah terbuka kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkhidmat dalam skim perkhidmatan pendidikan yang mana ketua perkhidmatannya ialah Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) dan dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (SP)

1. SYARAT UMUM

- (i) Pegawai hendaklah mempunyai iltizam, pengetahuan, kemahiran, pengalaman, dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Pegawai juga hendaklah mempunyai kelayakan Ijazah Pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya, berpengalaman selari dengan bidang yang dimohon serta perancangan laluan kerjaya pada masa hadapan; dan Pegawai hendaklah telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 3 tahun (lantikan selewat-lewatnya Januari 2015) pada tarikh tutup permohonan;

- (ii) Ditawarkan kepada pegawai yang belum atau sedang mengikuti pengajian di mana-mana Universiti Awam. Bagi pegawai yang sedang mengikuti pengajian, pengajian hendaklah tidak melebihi semester 1 bagi peringkat Sarjana atau semester 3 bagi peringkat Kedoktoran semasa permohonan dibuat.

2. SYARAT KHUSUS

- (i) Warganegara Malaysia
- (ii) Pegawai berumur tidak melebihi 46 tahun bagi pengajian peringkat Kedoktoran dan tidak melebihi 50 tahun bagi permohonan peringkat Sarjana pada 1 Januari 2019
- (iii) ;telah disahkan dalam skim perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan;

- (iv) Mencapai markah purata Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) atau Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) 85% ke atas bagi tempoh genap 3 tahun dalam skim perkhidmatan terkini berturut-turut (2016, 2017 dan 2018). Penilaian setahun LNPT mestilah genap 12 bulan. Sekiranya tuan/puan belum menerima markah LNPT tahun 2018, sila guna LNPT 2015, 2016 dan 2017.
- (v) Sekiranya tuan/puan pernah diluluskan Cuti Belajar dalam tempoh tersebut, sila kemukakan LNPT tahun sebelum/selepas tempoh Cuti Belajar; Contoh:-

Tempoh Cuti Belajar Yang Pernah Diluluskan: 20.09.2012 hingga 31.08.2014 (LNPT adalah 2016, 2015 dan 2011)

- (vi) Memenuhi syarat kelayakan akademik seperti berikut:

Peringkat Pengajian	Kelulusan Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK) atau setaraf	Tempoh Pengalaman sehingga Bekerja	Minimum Januari 2019
Sarjana	2.00-2.49	10 tahun	
	2.50-2.99	5 tahun	
	3.00 dan ke atas	3 tahun	
PhD	Lulus Peringkat Sarjana		3 tahun

- (vii) Disokong dan diperaku oleh Ketua Jabatan
- (viii) Belum memiliki kelayakan Ijazah Lanjutan di peringkat yang sama atau lebih tinggi tanpa mengira bidang pengkhususan (Jika calon didapati sedang atau telah mempunyai kelayakan Ijazah Lanjutan, KPM berhak membatal atau menarik balik tawaran/kelulusan tanpa sebarang notis);
- (ix) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan mahkamah;
- (x) Telah mengisyiharkan harta melalui sistem HRMIS;
- (xi) Tidak tersenarai dalam senarai hitam KPM, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) atau badan-badan peminjam kerajaan yang lain;
- (xii) Calon-calon adalah diwajibkan memilih bidang pengajian/kursus yang ditawarkan sahaja;

- (xiii) Satu Kertas Cadangan Penyelidikan (dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris) dan slaid pembentangan perlulah disediakan dan dikemukakan kepada Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan (BBP) serta dibawa semasa sesi temuduga (sekiranya terpilih);
- (xiv) Tempat pengajian adalah di Universiti Awam (UA) Dalam Negara sahaja;
- (xv) Bagi pengajian peringkat Sarjana, Mod Pengajian yang dibenarkan adalah Kerja Kursus dengan Disertasi/Tesis (Mod campuran) dan Mod Penyelidikan Sepenuhnya sahaja. Bagi peringkat Kedoktoran, Mod Pengajian yang dibenarkan adalah Mod Penyelidikan Sepenuhnya sahaja. Bagi yang telah memulakan pengajian, sila bawa bersama surat tawaran universiti;
- (xvi) Tempoh Cuti Belajar bagi peringkat Kedoktoran adalah selama 6 hingga 10 semester dan peringkat Sarjana adalah antara 2 hingga 6 semester tertakluk kepada mod pengajian dan tempoh pengajian yang ditetapkan oleh universiti;
- (xvii) Kemasukan ke universiti adalah untuk pengajian semester 1 sesi 2019/2020 atau yang mana-mana sesi kemasukan yang ditetapkan oleh Kementerian;
- (xviii) Pegawai adalah bebas daripada sebarang penyakit kronik seperti di **Lampiran A**;
- (xix) Pegawai yang sedang dalam penajaan/Cuti Belajar Kementerian atau mana-mana penaja lain adalah tidak layak memohon;
- (xx) Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek yang terdahulu (dengan kemudahan penajaan/Cuti Belajar) seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Layak Memohon
Lebih daripada 12 bulan	Selepas genap 2 Tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	Selepas genap 1 Tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- (xxi) Kementerian berhak membuat pindaan terhadap syarat-syarat permohonan, program yang ditawarkan, senarai bidang kursus dan tempat pengajian yang dibenarkan; dan
- (xxii) Calon hanya boleh mengemukakan SATU permohonan sahaja dalam tempoh permohonan ini dibuka.

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

1. Kanser;
2. Serangan jantung;
3. Pulmonary Hypertension;
4. Sakit buah pinggang yang kronik;
5. Sakit hari (liver) yang kronik;
6. Fullminant Viral Hepatitis;
7. Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
8. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
9. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
10. Pemindahan organ utama;
11. Penyakit Parkinson;
12. Penyakit HIV dan AIDS;
13. Pemindahan kaki dan/atau tangan;
14. Skizofernia;
15. Kecederaan atau kecacatan fizikal yang dialami semasa menjalani latihan atau kursus yang disahkan oleh pakar perubatan Kerajaan dan/atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja sebagai tidak sihat untuk meneruskan pengajian; dan
16. Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh pakar perubatan Kerajaan dan/atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja